

Penyediaan untuk Kajian Elektrofisiologi Jantung

1. Doktor anda mungkin menasihati anda untuk berhenti mengambil ubat tertentu sebelum EPS anda. Sila dapatkan nasihat doktor anda.
2. Bawa bersama sedikit bahan bacaan atau bahan audio visual mudah alih yang lain untuk masa anda di hospital kerana anda akan meluangkan banyak masa anda di atas katil.

Apakah Risiko yang Mungkin?

EPS merupakan prosedur yang sangat selamat. Seseengah risiko yang mungkin termasuk:

- Komplikasi kecil seperti kesakitan, bengkak, lebam dan pendarahan dari tapak tusukan
- Komplikasi besar seperti jangkitan dan kerosakan pada saluran darah jarang berlaku. Komplikasi ini biasanya boleh dirawat tanpa meninggalkan kecederaan kekal.
- Kadang-kadang, prosedur boleh menyebabkan irama jantung yang tidak normal yang mungkin memerlukan kejutan elektrik untuk memulihkan degupan jantung yang normal.
- Semasa ablati frekuensi radio, bahagian-bahagian jantung yang diperlukan untuk konduksi elektrik normal mungkin rosak. Ini membawa kepada irama jantung yang sangat perlahan. Komplikasi ini sangat jarang berlaku. Namun begitu, jika ia berterusan, implantasi perentak diperlukan.

Bilakah Boleh Saya Tahu Keputusannya?

Keputusan dan langkah rawatan anda yang seterusnya akan dibincangkan bersama doktor anda pada temu janji klinik yang seterusnya.

TINGKAT 3 PUSAT PERUBATAN TTSH

- Pusat Jantung
- Klinik 3A (Kardiologi, Perkhidmatan Ambulatori Jantung, Gim Rehabilitasi Jantung)
- Klinik 3B (Atrium Jantung, Pusat Pengimejan Jantung)

TINGKAT 3 BLOK KECEMASAN (A&E)

- Makmal Jantung Invasif

NOMBOR TELEFON:


6537 7000 (Semua Temu Janji)



Scan the QR Code with your smart phone to access the information online or visit <https://www.ttsh.com.sg/Patients-and-Visitors/Medical-Services/Cardiology/Pages/default.aspx>

Jabatan
KARDIOLOGI

Kajian Elektrofisiologi Jantung (EPS)
(dengan/tanpa Ablasi Frekuensi Radio)



Apakah Kajian Elektrofisiologi Jantung (EPS)?

EPS jantung merupakan kajian diagnostik kegiatan elektrik jantung yang membantu ahli kardiologi untuk mengenal pasti:

- Gangguan ke atas irama jantung anda
- Punca gangguan ini
- Kaedah rawatan terbaik


Mengapakah Saya Perlukan Kajian Elektrofisiologi Jantung?

Doktor anda mengesyaki atau telah menentukan bahawa anda mengalami gangguan irama jantung. Apabila jantung anda berdegup tidak normal atau perlahan, anda mungkin mengalami satu atau lebih simptom berikut:

- Pening
- Rasa Pengsan
- Keletihan
- Palpitasi (Jantung berdegup dengan lebih cepat dan/atau kuat)
- Sesak nafas
- Sakit dada



Irama jantung tidak normal



Peletakkan kateter berpandukan sinar-X

Apa yang Perlu Saya Jangkakan untuk Prosedur?

Sebelum Prosedur

Doktor anda akan membincangkan matlamat, manfaat dan risiko prosedur bersama anda. Anda akan dimasukkan ke hospital pada hari ujian dijalankan, dan perlu berada di dalam wad selama 2 hari. Bagi wanita pada umur boleh mengandung, ujian kehamilan air kencing mungkin dijalankan.

Anda perlu berpuasa bermula waktu tengah malam pada hari sebelum ujian sehingga selepas prosedur tamat.

EPS dijalankan di Makmal Jantung Invasif dan mungkin mengambil masa kira-kira 1.5 hingga 2 jam.

Jika perlu, tiub plastik atau kanula akan dimasukkan ke dalam salah satu urat darah di tangan anda untuk memudahkan suntikan ubat semasa ujian. Anda akan diberi ubat melalui kanula di tangan anda untuk membantu anda relaks atau tidur. Untuk keputusan ujian yang tepat, anda perlu berbaring rata di sepanjang kajian.

Semasa Prosedur

Selepas suntikan anestetik setempat di leher, pangkal paha atau lengan, beberapa batang logam (lead) wayar akan dimasukkan ke dalam saluran darah anda dan diletakkan ke dalam jantung di bawah panduan sinar-X. Apabila batang logam (lead) diletakkan di lokasi yang dikehendaki di dalam jantung, pakar akan merekod aktiviti elektrik jantung anda, serta merangsang jantung anda dengan arus elektrik untuk melihat respon. Anda mungkin mengalami rasa jantung anda berdegup lebih kuat dan lebih cepat semasa ujian. Jika anda mengalami sebarang ketidakselesaan semasa prosedur, sila beritahu doktor anda.

Semasa ujian, doktor akan menentukan sama ada rawatan diperlukan. Bentuk rawatan yang paling biasa dikenali sebagai ablas frekuensi radio yang "membakar" atau ablat tisu-tisu yang menyebabkan irama jantung tidak normal. Ini dilakukan dengan menggunakan arus elektrik melalui kateter (atau lead) untuk memanaskan dan menyingkirkan tisu yang tidak baik.



Selepas Prosedur

Selepas pemeriksaan tamat, lead akan dikeluarkan dan luka-luka kecil di tapak tusukan akan dimampatkan selama beberapa minit untuk menghentikan sebarang pendarahan. Luka-luka ini seharusnya sembuh dalam masa beberapa hari.

Prosedur ini tidak menyakitkan, kecuali semasa suntikan awal anestetik setempat.

Selepas ujian, anda perlu berbaring di atas katil selama 4 hingga 6 jam. Elakkan pergerakan besar agar luka dapat sembuh dengan cepat dan juga mencegah pendarahan. Sekiranya anda merasa sakit atau bengkak di kawasan tersebut, anda seharusnya memaklumkan jururawat yang menjaga anda. Ubat tahan sakit akan dipreskripsikan jika perlu. Biasanya, anda akan dapat pulang ke rumah pada keesokan harinya.

Maklumkan Doktor Anda Tentang:

1. Sebarang alergi ubat terhadap bahan kontras sinar-X (biasanya dikenali sebagai pewarna), ubat irama jantung dan ubat melegakan kesakitan.
2. Kehamilan anda. Sekiranya anda hamil, anda tidak seharusnya menjalani EPS kerana terdapatnya pendedahan terhadap radiasi sinar-x.